

Buletin horizon



Pelajar dan Alumni KUIS Terbaik, Disegani

KUIS DAN ANTARABANGSA

KUIS dalam Pertandingan Pre-UTPHAX 2015

Tokoh Anak Muda
Kelantan 2015

KUISCELL Optimis Lahir
Generasi Berkepimpinan

Tinta Pengarang

Assalamualaikum Wrt. Wbt.

Alhamdulillah, Syukur kepada Allah SWT kerana dengan izinNya, Buletin Horizon Edisi ke-10 berjaya diterbitkan.

Pembangunan mahasiswa dan alumni KUIS merupakan fokus penerbitan edisi ini. Mahasiswa merupakan denyut nadi bagi KUIS. Seluruh warga KUIS sentiasa mendoakan yang terbaik demi kejayaan mahasiswa dan alumni ketika mereka mengikuti pengajian dalam kampus mahupun ketika mereka kembali menyumbang bakti kepada masyarakat. Laporan temubual bersama Timbalan Rektor (Pembangunan Mahasiswa dan Alumni) KUIS Dr. Mokmin Basri memberikan gambaran jelas mengenai halatju pembangunan mahasiswa dan alumni KUIS iaitu menjadi yang terbaik dan disegani.

Fokus kedua ialah terhadap infaq dan wakaf yang merupakan instrumen berkesan untuk pembangunan Ummah. Buletin edisi ini memaparkan pengaruh infaq dan wakaf yang disumbangkan oleh kakitangan KUIS serta jamaah Masjid Al-Azhar KUIS dalam mensejahterakan masyarakat dan mengimarahkan masjid. Adalah diharapkan semakin ramai umat Islam terutamanya pembaca Buletin Horizon bersama-sama melibatkan diri dalam amalan mulia ini.

Selain itu, edisi kali ini turut membincangkan pemacu aktiviti pemasaran dan pengambilan pelajar baharu KUIS sesuai dengan usaha yang sedang dilaksanakan bagi meningkatkan pengambilan pelajar Sesi II 2015/ 2016 dan seterusnya Sesi I 2016/ 2017. Sepertimana sedia dimaklumi oleh warga KUIS, pertambahan jumlah pelajar sedikit sebanyak mampu menyumbang dalam usaha KUIS mendapatkan status universiti penuh pada 2016 atau 2017.

Sepertimana lazimnya dalam penerbitan yang lalu, paparan mengenai pelbagai aktiviti warga KUIS berbentuk akademik dan kemasyarakatan dimuatkan untuk tatapan umum. Selain itu, kejayaan dan pencapaian warga KUIS turut dimuatkan sebagai pencetus semangat kepada yang lain untuk meneruskan tradisi kecemerlangan KUIS.

Selamat membaca.



SIDANG PENGARANG

Penaung

Prof. Dato' Dr. Ab. Halim Tamuri

Ketua Editor

Dr. Zulkifli Abd Hamid

Editor

Mokhtar Ismail

Ani Abd Jalil

Wartawan

Mohd Hanif Mat Noor

Surianom Miskam

Mohd Azizi Ahmad Siam

Julia Madzalan & Natasha Ariffin

Jamal Shaik Abul Barakath

Nurul Nadia Roslan

Nur Muizz Mohamed Salleh

Muhammad Faisal Abu Bakar

Siti Hawa Radin Eksan

Nurul Izzati Abdul Latif

Norhanizah Johari

Perunding Grafik

Noor Hazian Abdullah

Pembaca Pruf

Mudzirah Aishah Pawanteh

Sidang Pengarang menjemput semua kakitangan KUIS yang berminat dan berkebolehan menulis berita, maklumat dan sebagainya berkaitan KUIS untuk menghantar penulisan masing-masing kepada Buletin Horizon bagi diterbitkan dalam keluaran akan datang. Penulisan boleh di emel ke info@kuis.edu.my . Semoga perkongsian maklumat ini menjadikan kita warga prihatin kepada perkembangan KUIS.

PELAJAR DAN ALUMNI KUIS TERBAIK, DISEGANI

Oleh :Mohd Hanif bin Mat Noor
Bahagian Pemasaran dan Komunikasi

Temubual Khas Timbalan Rektor (Pembangunan Mahasiswa & Alumni) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) YBhg. Dr. Mokmin bin Basri.

Sebagai orang yang bertanggungjawab menjaga pembangunan mahasiswa KUIS, beliau amat mengambil berat serta menjaga kebajikan mahasiswa agar setiap mahasiswa diberi perkhidmatan terbaik semasa berada di KUIS. Bahagian Pembangunan Mahasiswa dan Bahagian Kediaman & Penempatan Mahasiswa adalah dua bahagian di bawah pentadbiran Timbalan Rektor Pembangunan Mahasiswa dan Alumni yang secara terus berhubung dengan pelajar berkaitan hal ehwal semasa pelajar seperti usrah, disiplin, penajaan dan bantuan kewangan, aktiviti pelajar serta penempatan dan kediaman pelajar. Semua perkara berkaitan hal ehwal pelajar perlu ditangani dengan bijak agar semua pihak berpuas hati dan tidak dibebani oleh masalah pihak lain yang boleh membawa keburukan pada masa akan datang. Sehubungan itu, staf dan pelajar KUIS perlu saling hormat menghormati agar suasana harmoni dapat diwujudkan.



Bergambar kenangan bersama anggota Wataniah KUIS

Setiap institusi pengajian tinggi menghadapi cabaran tersendiri dalam menguruskan pelajar semasa. Dr. Mokmin Basri berpendapat bahawa KUIS juga tidak lari dari menghadapi cabaran dan dugaan dalam menangani perkara-perkara yang timbul berkaitan pelajar. Menurut beliau pihak institusi perlu fleksibel untuk menegur dan mendidik kerana setiap pelajar berlainan keperibadian. Jadi, penting bagi pegawai KUIS mahupun daripada pentadbiran dan pensyarah menentukan dan membuat pendekatan yang bijak apabila menghadapi pelajar. Untuk membentuk sahsiah pelajar, usaha semua pihak perlu diganding setiap masa sama ada di dalam dan luar kampus. Beliau juga mengukur kecemerlangan dan kewibawaan pelajar dari

hasil dorongan dan sokongan semua pihak terutama pegawai KUIS daripada bahagian yang terlibat serta para pensyarah.



Mahasiswa KUIS sedia kembali ke pangkuhan masyarakat untuk menyumbang bakti.

POTENSI PELAJAR KUIS

Beliau melihat ramai pelajar KUIS mempunyai potensi dan bakat yang tersendiri. Ia perlu digilap dan diketengahkan supaya potensi dan bakat pelajar tidak hanya disimpan sendiri. Sebagai contoh sikap kepimpinan dalam menguruskan tugas dan acara seperti khidmat ummah, hari konvokesyen, serta aktiviti anjuran persatuan pelajar dan fakulti. Begitu juga dalam pendedahan pelajar berdialog dan bersyarah, sukan dan permainan, multimedia dan sistem program, muzik dan kesenian islam, penulisan dan pelbagai bidang yang boleh diketengahkan. Penglibatan semua pelajar dalam usrah sememangnya memberi kesan yang positif kerana mereka saling berhubung dan berkongsi pengalaman masing-masing supaya perkongsian tersebut dapat membina jati diri dan peluang meningkatkan daya maju pelajar apabila telah bergraduasi kelak.

PERANAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

Pelajar KUIS diwakili oleh Majlis Perwakilan Pelajar dalam menyuarakan pendapat dan membantu pengurusan KUIS untuk menangani isu semasa pelajar. Peranan Perwakilan pelajar amat besar kerana mereka adalah suara kepada seluruh pelajar untuk disampaikan kepada pengurusan tertinggi. Beliau amat berpuas hati dengan kerjasama yang diberikan oleh Majlis Perwakilan Pelajar bekerja bersama-sama pengurusan KUIS untuk membangun dan memperkasa pelajar KUIS. Majlis Perwakilan Pelajar yang diketuai oleh Saudara Akram Ikrami Taib Azamudden bersama-sama 48 buah persatuan pelajar KUIS turut berganding bahu dalam mencapai misi yang sama. Perwakilan pelajar juga amat

dedikasi dalam membantu pelajar KUIS yang dalam kesusahan. Antara yang dilakukan oleh mereka ialah berusaha mencari tajaan dan sumbangan dalam menyediakan bantuan makanan percuma kepada pelajar yang kurang berkemampuan serta mereka juga telah berjaya memungut sumbangan untuk mendirikan rumah baharu kepada satu mangsa banjir di Kelantan. Beliau juga berharap lebih banyak sumbang bakti yang akan diwujudkan demi membangun dan menjadikan pelajar KUIS setanding dengan pelajar IPTA hebat yang lain.

KEJAYAAN ALUMNI KUIS

Alhamdulillah, dengan bantuan ramai pihak termasuk pegawai KUIS ramai graduan dan alumni telah menempa kejayaan dalam bidang masing-masing. Hasil tarbiah dan didikan semasa berada di KUIS, alumni KUIS tidak kekok dalam apa jua situasi apabila berada di alam pekerjaan kerana mereka telah didedahkan dengan pelbagai bentuk tugas dan aktiviti. Di samping itu, alumni KUIS juga bukan sahaja berkebolehan dalam bidang akademik masing-masing malahan ada ramai di antara mereka berjaya membawa nama ke persada antarabangsa. Dengan kemahiran yang diasah, mereka berjaya dikenali iaitu ikon ummah yang lahir daripada KUIS. Beliau juga yakin lebih banyak lagi ikon-ikon yang dikenali bakal dilahirkan. Pihak KUIS juga telah mendapat banyak maklumbalas yang positif daripada pelbagai pihak berkenaan daya saing dan keterampilan yang ditonjolkan oleh alumni KUIS kepada tempat mereka bekerja. Ini kerana setiap pelajar dan alumni KUIS dididik bukan sahaja bidang profesional semata-mata, tetapi juga diselitkan tarbiah islamiah yang mana menjadikan mereka profesional islamik yang disegani. Seiring dengan harapan KUIS dalam melahirkan Da'i, Ulama dan Umara'.



Timbalan Rektor meraikan Mahasiswa KUIS mengikuti Pertukaran Pelajar UNIDA Gontor.



Melancarkan Free Food for You yang diusahakan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) KUIS



TAHNIAH ATAS PENGANUGERAHAN TOKOH ANAK MUDA KELANTAN 2015

Oleh :Mokthar Hj. Ismail
Pengarah MARCOM

Pengurusan dan seluruh warga Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) mengucapkan sekalung perhargaan dan tahniah kepada Timbalan Dekan (Seminar, Penyelidikan dan Promosi), Akademi Islam (AI) yang juga merupakan salah seorang Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa dan Linguistik Arab iaitu Dr. Md. Noor bin Hussin atas penerimaan Anugerah Abu Bakar As-Siddiq - Tokoh Ulama Muda bagi Tokoh Anak Muda Kelantan (AMaL) 2015 dari Kerajaan Negeri Kelantan DarulNaim.

Anugerah tersebut telah disampaikan sendiri oleh Y.A.B Menteri Besar Kelantan Darulnaim, Dato' Haji Ahmad bin Yaakob dalam satu majlis gilang gemilang di Dewan Teratai SUK, Kota Darulnaim pada 24 Ogos 2015 yang lalu. Keputusan pemilihan anugerah tersebut telah diputuskan dalam Mesyuarat Panel Pengesahan yang dipengerusikan oleh Y.B. Dato' Hj. Abdul Fattah bin Mahmood, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Belia dan Sukan Negeri Kelantan pada 18 Ogos 2015.

Syabas Dr. Md. Noor Hussin. Didoakan Dr. semakin bersemangat menabur bakti dan sentiasa maju kehadapan mendidik generasi muda bersifat Dai', Ulama dan Umara.



Pemenang Anugerah bersama Y.A.B Menteri Besar Kelantan dan Pegawai Kanan Kerajaan negeri yang menjayakan majlis.



Dr. Md Noor Hussin menerima cenderahati daripada Y.A.B Menteri Besar Kelantan

PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU KUIS : BERKONGSI HARUMAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI ISLAM

Oleh : Julia Madzalan

Ketua Jabatan Pendidikan Bahasa,

Fakulti Pendidikan

Pendaftaran Pelajar Baharu bagi Sesi 1 (Jun) 2015 telah berlangsung dengan jayanya. Sesi pendaftaran kali ini mencatat kenangan manis yang tersendiri kepada seluruh warga KUIS kerana sejumlah 3,895 pelajar mendaftar untuk pelbagai program pengajian yang ditawarkan.

Pelbagai gelagat dapat disaksikan semasa hari pendaftaran, bermula dengan kesesakan lalu lintas dari plaza tol Putra Mahkota hingga ke kawasan kampus KUIS. Pendek kata, kemerahan ini menyebabkan warga di sekitar Bandar Seri Putra bertanya kepada salah seorang staf KUIS, ‘Perayaan apa yang sedang berlangsung?’ Pastinya kemerahan ini menjadi sambutan untuk semua warga KUIS yang meraikan kehadiran ahli keluarga yang baharu seperti kata pujangga, kecil tapak tangan, nyiru kami tadahkan.

Terdapat juga ahli keluarga yang mengambil kesempatan untuk meninjau keadaan di sekitar kampus bagi memastikan keselesaan ahli keluarga yang bakal menuntut di kampus ini. Tidak kurang juga yang mengambil gambar di dataran **Taman Ilmu** dan **Bulatan Antarabangsa** dengan pelbagai gaya. Sesungguhnya, keceriaan jelas terpancar di wajah masing-masing. Ini menjadi peniup semangat kepada mereka semua untuk memanfaatkan peluang pembelajaran yang dihulurkan oleh pihak KUIS bagi meningkatkan penguasaan ilmu yang bermanfaat bagi semua pelajar-pelajar baharu KUIS.

Bagi calon pelajar yang mendaftar secara walk-in, ada juga yang perlu melalui sesi temuduga iaitu bagi calon pelajar bidang perguruan di Fakulti Pendidikan. Sesi temuduga di bilik Bunga Raya ini dikendalikan oleh pensyarah fakulti sendiri bagi memastikan kecenderungan dan minat para pelajar bagi mengikuti program pengajian yang dipohon.

Kenangan manis sewaktu hari pendaftaran ini diharapkan agar menjadi pemangkin semangat seluruh tenaga kerja di KUIS untuk terus mendidik bakal da'i, ulama dan umara bagi mengembangkan Islam di persada dunia. Semoga para pelajar mendapat manfaat dan keberkatan ilmu disepanjang tempoh pengajian di KUIS. Bersama kita jadikan institusi ini sebagai *Pemangkin Tradisi Ilmu* untuk kegemilangan duniawi dan ukhrawi.



Suasana Pendaftaran di dalam Pusat Konvensyen KUIS.



Sesi ‘walk-in interview’ bagi pelajar program Perguruan, Fakulti Pendidikan



Ibu bapa dan waris pelajar di perkarangan Pusat Konvensyen KUIS.

Open Day RMC

Oleh : Muhammad Faisal Abu Bakar
Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)

Pada 2 dan 3 Jun 2015 yang lalu, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) KUIS dengan julung kalinya mengadakan Hari Terbuka RMC 2015. Bertemakan "Penyelidikan Membangun Peradaban Ummah", Hari Terbuka RMC ini dirasmikan oleh Y.B Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Selangor) yang diwakili oleh Setiausaha Kanan beliau iaitu Tuan Nor Hizwan bin Ahmad. Bertempat di Auditorium Dr. Zainudin Jaffar dan Garlic Stage, program selama 2 hari ini melihatkan RMC melancarkan Kluster Penyelidikan KUIS dimana 3 kluster utama iaitu Kewangan Islam, Tamadun dan Pemikiran Islam dan akhir sekali Teknologi dan Inovasi diperkenalkan bagi mengembangkan skop penyelidikan serta menggabungkan integrasi ilmu dalam satu penyelidikan.

Disamping itu, pihak RMC juga mengambil kesempatan untuk melancarkan Kedai Buku Al-Ghazali KUIS yang bernaung di bawah Penerbit KUIS. Kedai buku yang terletak di aras bawah Blok Petadbiran ini akan menjadi pusat jualan buku-buku terbitan Penerbit KUIS. Disamping itu, RMC juga melancarkan tiga buah buku baharu terbitan Penerbit KUIS iaitu MAPPiCXS Berfikir secara Genius, Al-Ghazali Dalam Pengurusan Strategik serta Kewibawaan Imam Al-Nawawi. Satu sesi Bicara Buku juga diadakan bersempena pelancaran ketiga-tiga buku tersebut dimana 3 penulis buku tersebut Dr. Mohamad Syukri Abdul Rahman (Buku Imam Al-Nawawi), Prof. Hj Shaya'a bin Othman (MAPPiCXS) dan Dr. Ridzuan bin Masri (Al-Ghazali Dalam Pengurusan Strategik). Dalam sesi tersebut, ketiga tiga penulis tersebut memberi kupasan mengenai buku yang ditulis oleh mereka.

Dalam masa yang sama, terdapat Pertandingan Poster Penyelidikan dan Kolokium Penyelidikan berlangsung di kawasan Garlic Stage dan bilik tutorial berhampiran. Pertandingan Poster Penyelidikan melibatkan 35 penyertaan dari Penyelidikan Dana Dalaman KUIS 2013, 2014 dan Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) Fasa 1 2015. Kolokium Penyelidikan juga melihatkan wakil dari setiap kumpulan penyelidikan GPIK Fasa 1 2015 membentangkan laporan kemajuan penyelidikan mereka.

Hari kedua pula tidak kurang hebatnya dimana

pihak RMC menjemput Prof. Madya Dr. Raihanah Mohd Mydin (UKM) selaku pemenang Anugerah Akademik Negara 2013 (Anugerah Pengajaran – Kelompok Sastera dan Sains Sosial) dan Dr. Norhayati Abd Rahman (UM), pemenang Anugerah Akademik Negara 2013 (Anugerah Penerbitan Buku) bagi berkongsi ilmu dalam program Wacana Penyelidikan. Majlis ilmu yang begitu bermanfaat ini telah disajikan dengan ilmu dan pengalaman yang sangat menarik untuk warga akademik KUIS. RMC dengan kerjasama Pusat Pegurusan Siswa-zah (PPS) juga telah mengadakan Mini Kolokium SLAK dan SLAS. Program ini melibatkan kakitangan akademik KUIS yang menyambung pelajaran di peringkat Phd bagi membentangkan laporan kemajuan belajar mereka.

Hari Terbuka RMC 2015 disudahi dengan Majlis Penyampaian Anugerah Penulisan Dalam Jurnal dan Penyelidikan Terbaik 2013 dan 2014. Majlis ini melihatkan beberapa ahli akademik KUIS menerima hadiah berupa sijil dan wang tunai atas hasil penulisan dan penyelidikan mereka. Semoga dengan pemberian anugerah ini, ia akan menjadi batu loncatan bagi ahli akademik KUIS untuk lebih berusaha untuk menjadi yang terbaik dalam penyelidikan dan penulisan akademik.



Dato' Rektor KUIS sedang menerangkan fungsi RMC kepada KUIS dan masyarakat.



Tuan Nor Hizwan Bin Ahmad Setiausaha Kanan Y.B Nik Nazmi bin Nik Mat sedang menandatangani plat perasmian.

2015 QUARTERLY ISLAMIC FINANCE PUBLIC LECTURE IRCIEF-IRTI

The Market Penetration of Islamic Banks: Trends and Challenges

Oleh :Surianom Miskam and Nurul Nadia Roslan
(IRCIEF)

International Research Centre for Islamic Economics and Finance (IRCIEF) in collaboration with Islamic Research and Training Institute (IRTI) of Islamic Development Bank (IDB) had organized the 2015 Quarterly Islamic Finance Public Lecture IRCIEF-IRTI on 29 April 2015 at Auditorium Said Ramadan Al-Buti, KUIS. The event was attended by more than 100 participants from various institutions of higher learning, representatives of Islamic financial institutions, government officials and students.

The public lecture entitled "The Market Penetration of Islamic Banks: Trends and Challenges" was delivered by Prof. Emeritus Dr. Rodney Wilson, to recont the winner of IDB Prize in Islamic Banking and Finance 1435H/2015 in recognition of his contribution to the subject. He is an Emeritus Professor in the International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF). Previously Professor Rodney Wilson has been involved in research and teaching in Islamic economics and finance for over 30 years and he founded the Durham University Islamic Finance Programme. Before joining INCEIF he was a Visiting Professor at the Qatar Faculty of Islamic Studies. He has authored 12 books and over 50 articles. His most recent books are Legal, Regulatory and Governance Issues in Islamic Finance, Edinburgh University Press, 2012 and Economic Development in the Middle East, Routledge, London and New York, 2013. The public lecture was moderated by the Chief Executive Officer, College of Islamic Studies Johor (MARSAH), Professor Dr. Mohamad @ Md. Som bin Sujimon.

The program began with the recitation of du'a led by Mr. Mohd Rofaizal bin Ibhraim and followed by opening speech by Mr. Kunrat Wirasubrata, Acting Director, IDB Regional Office, Kuala Lumpur. The program was officiated by Dr. Mokmin Basri, Deputy Rector (Student Development and Alumni) and in his speech he thanked all participants for participating in this event and expressed his hope to see the collaboration between IRCIEF and IRTI to continue in the future.



Prof. Emeritus Dr. Rodney Wilson delivering his public lecture



Dr. Mokmin bin Basri presenting token of appreciation to Prof. Emeritus Dr. Rodney Wilson



Photography session at the end of the programme

POLICY ROUNDTABLE DISCUSSION ON MAQASID SHARI'AH: ANOTHER COLLABORATION BETWEEN IRCIEF AND IRTI-IDB

Oleh :Surianom Miskam and Nurul Nadia Roslan
(IRCIEF)

International Research Centre of Islamic Economics and Finance (IRCIEF), KUIS in collaboration with Islamic Research and Training Institute (IRTI), Islamic Development Bank (IDB) had organised the Policy Roundtable Discussion on Maqasid Shari'ah on 1 and 2 June 2015 at Senate Hall, KUIS. The programme was attended by 5 presenters and 36 participants.

The presenters were Mr. Ascarya (Bank Indonesia), Dr. Shafiullah Jan (Institute of Management Sciences, Peshawar, Pakistan), Dr. Zahoor Khan (Institute of Management Sciences, Peshawar, Pakistan), Dr. Muhammad Azeem Qureshi (University College of Applied Sciences, Oslo, Norway) and Mr. Ismail Nizam (IIUM). The participants were representatives from State Economic Planning Unit (State EPU), IRTI-IDB, INCEIF, ISRA, Securities Commission, Bank Negara Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, International Islamic University Malaysia (IIUM) and KUIS. Puan Nazifah Mustaffha and Mohd Rofaizal bin Ibhraim of KUIS acted as the rapporteur for the programme.

The programme with the theme "Maqasid Shari'ah for Social Economic Development" was organised with the main objective to discuss on issues, solutions and provide recommendations to Maqasid Shari'ah related issues. The two-day programme was officiated by Prof. Dr. Abdul Ghafar Ismail, Head of Islamic Economics and Finance Research Division, IRTI and the discussion was moderated by Dr. Salman Syed Ali of IRTI-IDB. The result was a wide-ranging debate and fruitful discussion that covered all issues identified and agreed upon by the presenters and participants at the end of the programme. The closing ceremony was officiated by KUIS Rector Prof Dato Dr. Ab Halim Tamuri and in his speech, he had expressed his gratitude to IRTI for their trust in KUIS and IRCIEF in particular, to collaborate in organizing the event and his hope was to have many more collaborative efforts from both parties in the future.



Presentation by the presenters



KUIS Rector presenting token of appreciation to Prof. Dr. Abdul Ghafar Ismail



Photography session at the end of the programme

PROGRAM KHIDMAT UMMAH IFTAR RAMADHAN DI BAITUL BAROKAH WAL MAHABBAH (BBWM), SEPANG PADA 11 JULAI 2015, ANJURAN KUIS ACCOUNTANCY CLUB (KAC)

Oleh : Norhanizah Johari

Jabatan Perakaunan, Fakulti Pengurusan dan Muamalah

Dalam seharian kita berhadapan dengan isu dan Program ini bertujuan untuk member peluang kepada khususnya mahasiswa/i Jabatan Perakaunan, Fakulti Pengurusan dan Muamalah KUIS, dengan insiatif KUIS Accountancy Club (KAC) menjalankan program amal selain memberi pengalaman mendekati masyarakat demi melahirkan sikap bertanggungjawab dan prihatin terhadap masyarakat, khususnya kepada mereka yang kurang berasib baik.

Khidmat Ummah – Iftar bersama anak yatim ini di adakan pada 11 Julai 2015, pada hari Sabtu di Baitul Barokah WalMahabbah (BBWM), Sepang, Selangor. Jumlah peserta yang hadir adalah 42 orang termasuk ahli jawatankuasa program selain 2 orang pensyarah dan Ketua Jabatan Perakaunan. Upacara perasmian program ini disempurnakan oleh Timbalan Rektor Mahasiswa, Dr. Mokmin Basri ditemani Ketua Bahagian Pengurusan Mahasiswa, Ustaz Salman Zainal Abidin.

Program ini mencapai matlamatnya iaitu mengeratkan hubungan di antara ahli KUIS Accountancy Club (KAC) dengan anak-anak di Baitul Barokah Wal Mahabbah. Antara pengisian program ini ialah dua latihan dalam kumpulan yang mudah dan menyeronokkan peserta, iaitu menggunakan kertas A4 dan juga pensil sahaja selain aktiviti Lingkaran Kasih dan juga Telefon Berkarat. Fasilitator yang terlibat adalah Cik Abidah pelajar Ijazah Muda Perakaunan (Kepujian) semester 4. Majlis berbuka puasa dan solat maghrib berjemaah dipimpin oleh Ustaz Salman Zainal Abidin. Manakala solat Isyak dan solat tarawih diimamkan oleh Presiden dan Timbalan Presiden KAC iaitu saudara Mohd Amar Salihin dan Mohd Nazmi secara bergilir.

Program ini diakhiri dengan penyampaian sumbangan duit raya oleh Ketua Jabatan Perakaunan, Pn, Hjh Norhanizah Hj Johari kepad anak-anak Baitul Barokah ini dan sumbangan kewangan dan barang kepada penyelia rumah ini.

Secara keseluruhannya program ini berjalan dengan jayanya serta mendapat sambutan daripada mahasiswa/I Jabatan Perakaunan, khususnya KAC. Melalui program-program

seumpama ini dapat memupuk dan mengeratkan hubungan silaturrahim di antara mahasiswa/i, penasihat persatuan dan pensyarah-pensyarah jabatan bersama ahli masyarakat yang kurang berasib baik yang memerlukan perhatian dan sokongan kita.

Sekalung penghargaan kepada seluruh pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung di dalam menjayakan program ini, juga kepada penyumbang-penyalur kewangan dan barang dari pihak pensyarah Jabatan Perakaunan, ibubapa dan kaum keluarga pelajar dan pensyarah. Lebih-lebih lagi kepada Pengarah, Ahli Jawatankuasa KAC dan Puan Teh Suhaila Tajuddin selaku penasihat program ini yang bertungkus ilmus demi memastikan kejayaan program ini. Semoga Allah mengganjarkan sebaik-baik ganjaran disisiNYA. Aamiin.



Kenangan Peserta Bersama Anak Baitul Barokah Wal Mahabbah (Bbwm), Sepang



Fasilitator kac mengendalikan aktiviti bersama anak-anak baitul barokah wal mahabbah (bbwm), sepang

KUIS dalam Pertandingan Pre-UTPHAX 2015

Oleh : Nur Muizz Mohamed Salleh
 Pensyarah Jabatan Multimedia,
 Fakulti Sains & Teknologi Maklumat

Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat (FSTM) KUIS telah menyertai Program Pre-UTPHAX 2015 yang dianjurkan oleh Universiti Teknologi Petronas di The Royale Chulan Hotel, Kuala Lumpur pada 11 september 2015.

FSTM-KUIS diwakili oleh 4 orang pelajar yang terdiri daripada:

Bil.	Nama Pelajar	Program
1.	Muhammad Faiz Bin Mokhtar	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Teknologi Rangkaian)
2.	Muhammad Hazmirul Afiq Bin Mohamad Zairi	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Teknologi Rangkaian)
3.	Muhammad Norfarhan Bin Norizam	Diploma Sains Komputer
4.	Muhammad Fadhil Bin Ahmad Napis	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Multimedia)



Alhamdulillah Pasukan KUIS telah berjaya mendapat tempat kedua dan layak untuk ke pertandingan Akhir National Hacking Competition 2015 pada 13-14 November 2015 bertempat di Universiti Teknologi Petronas, Tronoh perak yang menyediakan hadiah keseluruhan yang berjumlah RM150,000.

LAWATAN RASMI KE SRA BANDAR SERI PUTRA, BANGI

Oleh : Julia Madzalan
 Ketua Jabatan Pendidikan Bahasa,
 Fakulti Pendidikan

Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) mempunyai hubungan yang erat dengan pihak sekolah. Ini kerana terdapat jalinan kerjasama lanjutan daripada sesi praktikum para guru pelatih bagi program Diploma Perguruan Bahasa Arab (TASL), Diploma Perguruan Bahasa Inggeris (TESL) dan Diploma Pendidikan Islam di fakulti tersebut. Maka, secara langsung, hubungan erat ini membuka ruang untuk lebih kerjasama dan peluang hubungan dua hala di antara fakulti dan pihak sekolah.

Lanjutan daripada itu, pada 30 April 2015, Profesor Dato' Dr Ab Halim Tamuri (Rektor KUIS) dan delegasi dari Fakulti Pendidikan KUIS telah dijemput untuk sesi lawatan rasmi ke SRA Bandar Seri Putra, Bangi. Lawatan yang berlangsung bermula pada jam 2.30 petang ini mengkhususkan kepada perbincangan untuk membina dokumen memorandum persefahaman (MoU) di antara pihak sekolah dan fakulti untuk berkongsi kepakaran dan sumber untuk memanfaatkan bidang pengajaran dan pembelajaran terutamanya dalam bidang pendidikan Islam di kalangan murid-murid di sekolah tersebut.

Kedatangan rombongan lawatan disambut dengan penuh meriah oleh pihak sekolah. Diketuai oleh guru besar, guru penolong kanan dan guru-guru sekolah, perbincangan ini dilihat mampu membawa impak positif kepada warga Fakulti Pendidikan dan warga sekolah, sama ada para guru pelatih atau para pensyarah sendiri melalui perkongsian ilmu pengetahuan dan saling tukar pendapat dengan pihak sekolah serta pemanfaatan sumber rujukan oleh tenaga pakar masing-masing dari pihak Fakulti dan pihak sekolah.

Selesai majlis perbincangan, delegasi KUIS dan pihak sekolah saling bertukar cenderahati dan tanda kenangan. Sebelum lawatan berakhir, delegasi KUIS dibawa melawat ke sekitar sekolah untuk melihat proses P&P yang sedang berlangsung. Diharapkan agar perbincangan melalui lawatan ini akan memberi impak positif yang berterusan demi memajukan ummah dan masyarakat di dalam bidang pendidikan.



Sesi perbincangan berlangsung.



Penyampaian cenderahati kepada Rektor KUIS



Penyampaian cenderahati kepada Dekan Fakulti Pendidikan

KLINIK MATEMATIK DI MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN AN-NAJIHAH: KHIDMAT UMMAH JABATAN PENGURUSAN PERNIAGAAN, FPM

Oleh : Siti Hawa Radin Eksan
Norziah Othman & Surianom Miskam
Fakulti Pengurusan Muamalah

Jabatan Pengurusan Perniagaan, Fakulti Pengurusan Perniagaan (FPM) dengan kerjasama pihak pengurusan Maahad Tahfiz Al-Quran An-Najihah telah mengadakan Klinik Matematik pada 18 April 2015 yang disertai oleh lebih 40 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar-pelajar Tingkatan Satu hingga Tiga.

Aktiviti ini dilaksanakan oleh para pensyarah Jabatan Pengurusan Perniagaan iaitu Puan Siti Hawa Radin Eksan, Puan Norziah Othman dan Cik Surianom Miskam. Program Khidmat Ummah ini bermatlamat memupuk rasa cinta dan minat kepada subjek Matematik dalam kalangan pelajar terlibat. Para pelajar didedahkan kepada teknik belajar Matematik yang menarik dan kreatif bagi memupuk minat mereka untuk mempelajari subjek Matematik melalui pelbagai aktiviti menarik termasuk permainan menguji minda.

Program dimulakan pada jam 9 pagi dengan aktiviti taaruf dan aktiviti riadah ‘outdoor’ dengan bimbingan Puan Siti Hawa Radin Eksan dan diikuti pula slot ‘Matematik Itu Indah’ yang dikendalikan oleh Puan Norziah Othman. Para pelajar memberikan kerjasama yang baik sepanjang program berlangsung dan Alhamdulillah telah menyatakan kesedaran mereka terhadap kepentingan matematik dalam kehidupan sebaik sahaja program berakhir. Kesedaran ini telah berjaya membantu menyuntik semangat dan motivasi dalam diri untuk berjaya dalam pelajaran. Ramai dalam kalangan pelajar ini turut menyatakan hasrat untuk menyambung pengajian di KUIS suatu hari nanti.

Program Khidmat Ummah dan secara tidak langsung telah mempromosikan KUIS ini diharapkan dapat memberi manfaat dan diaplikasikan oleh pelajar dalam pembelajaran sehari-hari mereka. Selain itu juga seharusnya ‘program turun padang’ seperti ini dapat dijalankan dengan kadar yang lebih kerap oleh ahli fakulti yang lain agar hubungan baik bersama pihak luar terutamanya institusi pendidikan bukan kerajaan sebegini berterusan dan berkekalan. Semoga mereka dapat menjadi anak-anak yang dapat menyumbang kepada Ummah pada masa depan.



Puan Siti Hawa Raden dan Puan Norziah memperkenalkan diri kepada para peserta Klinik Matematik




Sesi bergambar diakhiri program



Aktivit didalam kelas



Aktivit diluar kelas



Improving communication skills : Be a Good Listener

Oleh :Mudzirah Aishah Pawanteh
Bahagian Pemasaran dan Komunikasi



People often focus on what they should say, but effective communication is less about talking and more about listening. Listening well means not just understanding the words or the information being communicated, but also understanding the emotions the speaker is trying to communicate.


There's a big difference between engaged listening and simply hearing. When you really listen—when you're engaged with what's being said—you'll hear the subtle intonations in someone's voice that tell you how that person is feeling and the emotions they're trying to communicate. When you're an engaged listener, not only will you better understand the other person, you'll also make that person feel heard and understood, which can help build a stronger, deeper connection between you.

By communicating in this way, you'll also experience a process that lowers stress and supports physical and emotional well-being. If the person you're talking to is calm, for example, listening in an engaged way will help to calm you, too. Similarly, if the person is agitated, you can help calm them by listening in an attentive way and making the person feel understood.

One of the tips on how to become a good Listener is :

1. Hear the emotion behind the words by exercising your middle ear muscles

By increasing the muscle tone of the tiny middle ear muscles (the smallest in the body), you'll be able to detect the higher frequencies of human speech that impart emotion and be better able to understand what others are really saying. As well as by focusing fully on what someone is saying, you can exercise these tiny muscles by singing, playing a wind instrument, and listening to certain types of music (high-frequency Mozart violin concertos and symphonies, for example, rather than low-frequency rock or rap music).



PEMACU AKTIVITI PEMASARAN DAN PENGAMBILAN PELAJAR BAHARU KUIS

Oleh : Mokthar Ismail

Bahagian Pemasaran dan Komunikasi

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) kini sedang melakukan persiapan rapi untuk menerima kemasukan pelajar baru Sesi II (November) 2015/2016. Anggaran jumlah pelajar baru yang akan mendaftar ialah sekitar 2,000 orang mewakili semua peringkat pengajian KUIS iaitu Asasi, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan PhD. Pihak pengurusan, pensyarah, kakitangan dan pelajar berdaftar KUIS sentiasa mengharapkan yang terbaik untuk semua bakal pelajar baru. Kepada semua bakal pelajar KUIS, terima kasih kerana memberi kepercayaan dan mengambil keputusan penting memilih KUIS sebagai wadah menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Keputusan calon pelajar untuk mengikuti pengajian di KUIS bergantung kepada banyak perkara. Antara perkara yang turut mempengaruhi keputusan tersebut ialah usaha pemasaran yang dilakukan oleh semua pelajar berdaftar dan pensyarah KUIS. Pelajar berdaftar merupakan duta kecil KUIS yang paling berpengaruh untuk mendekati calon pelajar dan menerangkan kelebihan yang ada pada KUIS. Pengalaman sebagai pelajar mampu dijadikan pencetus minat calon pelajar untuk mengetahui lebih banyak maklumat berkaitan KUIS dan seterusnya datang mendaftar sebagai pelajar baru. Disamping itu, peranan dan kepakaran para pensyarah juga dikenal pasti menjadi penyebab calon pelajar memilih KUIS. Statistik terkini menunjukkan KUIS mempunyai hampir 400 orang pensyarah dengan pelbagai latar belakang akademik yang bersesuaian dengan keperluan pelajar.

Sesuai dengan momentum kemasukan pelajar baru KUIS, Bahagian Pemasaran dan Komunikasi (BPK) yang dipertanggungjawabkan menyelaras semua aktiviti pemasaran telah meninjau pemacu aktiviti pemasaran dan pengambilan pelajar baru yang dapat memastikan KUIS bergerak lebih maju pada masa hadapan. Antara pemacu yang mampu menyumbang kepada jumlah kemasukan pelajar baru yang lebih tinggi adalah seperti berikut:

a. Jumlah Program Baru di Peringkat Sarjana Muda dan Sarjana.

Secara umumnya, perhatian dan minat calon pelajar lebih tertumpu kepada institusi pengajian tinggi yang

menawarkan pelbagai program pengajian. Lebih banyak program ditawarkan, lebih banyak pula pilihan yang ada pada mereka. Calon pelajar dapat mempertimbangkan dengan sewajarnya pilihan yang ada sebelum mengambil keputusan memohon sesuatu program berdasarkan kelayakan akademik masing-masing.

KUIS melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Akademik dan Kurikulum (JPAK) sentiasa memberi penekanan kepada usaha membangun dan menggubal program baharu dari semasa ke semasa sesuai dengan permintaan calon pelajar dan masyarakat. Dianggarkan sebanyak 10 program baharu diperingkat sarjana muda dan sarjana akan ditawarkan oleh KUIS pada 2016. Jumlah yang sama juga disasarkan bagi 2017. Pertambahan jumlah program pastinya mempunyai kesan positif terhadap kadar kemasukan pelajar baru KUIS pada masa depan.

b. Status Universiti Penuh

KUIS sedang berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan sebagai sebuah universiti penuh dari Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPTM). Proses memenuhi syarat yang ditetapkan oleh KPTM bagi sesebuah kolej universiti menjadi universiti diakui sangat mencabar. Begitu juga dengan proses dokumentasi, pembentangan dan sebagainya. Sungguhpun begitu, pihak Pengurusan KUIS berkeyakinan mampu memenuhi syarat dan kriteria yang digariskan.

Kejayaan KUIS mencapai status universiti penuh pada masa depan sudah semestinya memberi kesan positif kepada aktiviti pemasaran. Daya tarikan KUIS akan bertambah. Status universiti penuh akan memudahkan KUIS menyakinkan ibu bapa dan bakal pelajar untuk memilih KUIS. Calon pelajar pula mempunyai satu lagi sebab untuk memilih institusi ini kerana status universiti penuh membawa maksud lebih banyak kemudahan disediakan demi kebajikan dan keselesaan pelajar mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) di KUIS.

c. Penglibatan Akademi/ Fakulti/ Pusat dalam Usaha Pemasaran

Tugas pemasaran tidak mampu disempurnakan oleh satu bahagian sahaja dalam KUIS. BPK sentiasa

mengalu-alukan penglibatan semua pihak terutamanya warga akademi/ fakulti/ pusat untuk bergerak seiringan demi mencapai matlamat yang sama iaitu menarik lebih ramai calon pelajar mengikuti program akademik yang ditawarkan oleh KUIS.

Sinergi pemasaran yang telah sedia wujud perlu dimantapkan lagi melalui persefahaman dan kerjasama lebih erat diperingkat individu dan organisasi dalam KUIS. Bantuan akademi, fakulti dan pusat terutamanya dari kalangan pensyarah untuk bersama-sama melibatkan diri dalam usaha pemasaran KUIS amat dihargai.

d. Sistem Online Terkini untuk Permohonan dan Penawaran

Dunia hari ini sangat terhubungkait dengan Internet. Cara bekerja yang lama telah digantikan dengan pendekatan baharu yang mesra Internet. KUIS juga tidak terkecuali dalam perkara ini. Tambahan pula, usaha pemasaran banyak berdepan dengan calon pelajar dari generasi muda yang secara semulajadinya mahir Internet. Bagi memudahkan calon pelajar memohon kemasukan ke KUIS, sistem permohonan atas talian amat wajar diperkasakan.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan KUIS yang bersidang pada 22 April 2015 telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Sistem Permohonan Online KUIS yang baharu. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pegawai dan kakitangan Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) serta BPK. Antara tugas dan tanggungjawab jawatankuasa ini ialah seperti berikut:

- i. membincangkan dan membangunkan sistem permohonan online baharu bagi menggantikan sistem yang sedia ada.
- ii. memastikan sistem permohonan online baharu berfungsi sepenuhnya mengikut tarikh yang ditetapkan.

Empat pemacu aktiviti pemasaran dan pengambilan pelajar baharu yang tersenarai di atas mampu mencipta impak maksimum kepada jumlah pelajar berdaftar KUIS pada masa hadapan. Penglibatan dalam usaha pemasaran oleh semua pihak bermula dari Pengurusan KUIS sehingga kakitangan bawahan amat diharapkan dan sentiasa dihargai.

Adalah menjadi harapan semua insan di dalam KUIS (pelajar, pensyarah, pegawai, kakitangan) dan di luar KUIS (alumni, ibu bapa, majikan, organisasi berkaitan) untuk melihat institusi ini cemerlang dalam semua perkara termasuk dari aspek jumlah kemasukan pelajar baharu dan jumlah graduan berkualiti yang berjaya dilahirkan. Dalam perkataan lain, jumlah kemasukan pelajar yang ramai turut menyumbang kepada usaha melahirkan lebih ramai Dai', Ulama dan Umara dari bumi KUIS.



Suasana dihari pendaftaran pelajar baharu KUIS



Jumlah pelajar baharu yang ramai membuktikan program akademik KUIS senstiasa mendapat pilihan di hati masyarakat awam.

KUIS tandatangani MoU kerjasama dengan Maahad Tahfiz Faqeh Temerloh, Pahang

Oleh : Mokthar Ismail

Bahagian Pemasaran dan Komunikasi

Pada 15 Ogos 2015 (Sabtu), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah menandatangani memorandum persefahaman atau MoU dengan sebuah pusat pendidikan rendah dan menengah berteraskan hafazan al-Quran iaitu Maahad Tahfiz Faqeh (MTF) Temerloh, Pahang Darul Makmur.

MTF merupakan sebuah institusi pendidikan Islam dan al-Quran aliran Tahfiz yang beroperasi di daerah Temerloh, Pahang Darul Makmur. Institusi ini menawarkan tiga peringkat pendidikan iaitu pra-sekolah (taska dan tadika), sekolah rendah dan sekolah menengah. MTF mengintegrasikan sistem pendidikan arus perdana dengan pengajian Islam dan hafazan al-Quran yang berdaftar dengan Majlis Agama Islam Pahang (MAIP). Disamping itu, MTF mempunyai kekuatan yang unik dari aspek pendidikan anak istimewa yang mempunyai masalah pembelajaran dan masalah pendengaran.

Antara perkara utama yang dipersetujui bersama diantara KUIS dan MTF ialah untuk mengadakan kerjasama berkaitan akademik yang menyeluruh terutamanya melibatkan pendidikan golongan kanak-kanak dan remaja berteraskan al-Quran. Skop memorandum persefahaman antara KUIS dan MTF meliputi perkara berikut:

- i. melaksana aktiviti penyelidikan mahupun pembangunan pengajaran dan pembelajaran (P&P) tahfiz al-Quran dan Pendidikan Islam.
- ii. memudahkan kumpulan penyelidikan KUIS mendapatkan maklumat/ maklum balas serta responden berkaitan pendidikan aliran tahfiz.
- iii. latihan kepada guru mahupun pelajar MTF dalam pengkaedahan serta proses pembelajaran pendidikan al-Quran.
- iv. menganjurkan kursus/ seminar berkaitan pengajaran al-Quran.
- v. laluan kepada pelajar MTF menyambung pengajaran tinggi di KUIS
- vi. bertukar pengetahuan, idea dan pandangan berkaitan pembangunan pengajaran tahfiz al-Quran khusus bagi tahap pendidikan awal kanak-kanak.

Majlis menandatangani MoU tersebut dijayakan dalam suasana yang meriah bersempena dengan acara rumah terbuka Aidilfitri 1436 Hijriah anjuran MTF. Hadirin terdiri daripada ibu bapa dan pelajar MTF serta orang ramai yang tinggal disekitar bandar Temerloh.



Sesi bertukar MoU antara KUIS dan Maahad Tahfiz Faqeh



Penggerak utama Maahad Tahfiz Faqeh dan para guru serta wakil KUIS bergambar untuk dokumentasi dan kenangan sempena majlis Mou KUIS-Faqeh.

SUMBANGAN INFaq DALAM KALANGAN KAKITANGAN KUIS TERHADAP MASJID AL AZHAR KUIS

Oleh : Norhanizah Johari
Nazifah Mustaffha
Nor Azlina Ripain

Pengenalan

Masjid merupakan sebuah institusi yang penting kepada umat Islam. Pada zaman Rasulullah SAW, peranan masjid tidak terhad kepada pusat ibadat semata-mata. Sebaliknya, ia memainkan peranan yang luas dan mencakupi aspek pentadbiran negara, ekonomi, sosial, keselamatan, pendidikan, perluasan agama dan sebagainya (Shaikh Ali Mohamad, 2003) dan (Mohd Yahya et al, 2012). Biasanya masjid mengutip dana melalui tabung derma atau menjalankan kutipan derma daripada orang ramai terutamanya semasa sembahyang Jumaat atau ceramah. Sumbangan juga diperolehi daripada pihak-pihak tertentu seperti kerajaan, institusi bukan kerajaan dan orang perseorangan. Malah terdapat juga masjid yang menerima sumbangan harta fizikal dalam pelbagai bentuk termasuklah peralatan hingga tanah dan bangunan yang diwakafkan oleh pihak-pihak tertentu. Salah satu usaha di KUIS untuk menambahkan dana masjid ialah dengan mewujudkan Tabung Infaq kepada kakitangan KISDAR, sekarang dikenali sebagai KUIS (Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor) sejak September 2002 lagi. Menurut Bahagian Pengurusan Insan (2013), Tabung Infaq diwujudkan bertujuan untuk membantu menampung kos pengurusan Masjid Al Azhar, KUIS yang semakin meningkat saban tahun.

Pada awal kewujudan tabung ini jumlah potongan pada bulan pertama ialah sebanyak RM160.00 dengan bilangan peserta seramai 14 orang. Jumlah ini kemudiannya meningkat sehingga ke RM1,288 pada Disember 2013 seiring dengan pertambahan bilangan peserta kepada 81 orang (Bahagian Pengurusan Insan, 2014). Tahun 2013 dijadikan kayu pengukur kerana pada tahun ini berlaku anjakan gaji kakitangan pada bulan Julai 2013 di bawah pengurusan baharu KUIS di bawah pimpinan Rektor baharu iaitu Prof. Dato' Abdul Halim Tamuri . Oleh itu pengkaji berhasrat mengkaji:

1. berapakah peratusan peserta yang membuat potongan bagi tabung infaq ini sepanjang 2013?
2. berapakah jumlah potongan tabung infaq ini sepanjang 2013?
3. bagaimana Tabung Infaq ini membantu meringan bebanan kos pengurusan Masjid Al Azhar, KUIS?

Untuk tujuan ini, pengkaji akan menggunakan

maklumat dari penyata potongan Tabung Infaq dan Penyata Akaun Masjid Al Azhar, KUIS bagi 2013 untuk mencapai objektif yang telah dinyatakan. Di harap kajian ini terus menyuntik semangat berinfaq dalam kalangan kakitangan KUIS demi melestarikan tanggungjawab sosial juga menjadikan KUIS sebagai *Mini House of Sadaqah* hatta khususnya meringankan bebanan kos pengurusan Masjid Al Azhar yang semakin meningkat.

Islam memberi perhatian dan penekanan kepada kebijakan umum merentasi keperluan dan kepentingan individu. Budaya infaq berfungsi sebagai penyokong kepada pembentukan komuniti masyarakat yang mendokong kepada nilai kesaksamaan dan adil, seperti yang dituntut oleh agama Islam (Ibn Taymiyah, 1985). Infaq adalah salah satu cara membelanjakan kekayaan (Mustafa Omar, 2011).

Infaq atau sedekah sangat mudah dilakukan. Ia terbuka sepanjang tahun untuk menerima sumbangan yang boleh dibuat dalam pelbagai bentuk dan jenis harta serta boleh diagihkan secara lebih meluas dalam pelbagai bidang tanpa syarat-syarat yang ketat. Selain itu, tiada jumlah maksimum atau minimum bagi sumbangan dan kesinambungannya tidak bergantung kepada mana-mana individu (Abdullaah Jalil & Muhamad Muda, 2008).

Bagaimanapun terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kutipan zakat, infaq dan sadaqah. Mujiyati, Bagus dan Muhammad (2010) mengkaji bagaimana promosi, bilangan jaringan kerja dan waktu mempengaruhi kutipan ini di Lazis Al Ihsan-Central of Java, Indonesia. Didapati ketiga-tiga faktor ini mempunyai hubungan signifikan dengan jumlah kutipan selain faktor-faktor lain yang tidak dikaji.

Secara amnya, walaupuan infaq/sedekah hukumnya adalah sunat, tetapi ia memberi sumbangan yang besar kepada ummah terutamanya dalam memenuhi tanggungjawab sosial yang sangat dituntut oleh Islam. Walaupun ia mudah dilaksanakan dan dijanjikan ganjaran yang besar di sisi Allah, tetapi tanpa persediaan akal fikiran dan pemerkasaan nilai-nilai takwa dalam diri seseorang Muslim, amalan infaq tidak mampu dibudayakan (Shuhairimi Abdullah, 2013).

Dapatan Kajian

Jadual 1 – Analisis Penyata Tabung Infaq, KUIS pada 2013

Bil	Bulan	Bil Kakitangan (Orang)	Bil Peserta Infaq (Orang)	Jumlah Infaq (RM)	Peratus Peserta (%)	Purata Infaq (RM seorang)
1	JANUARI	642	85	1,681.00	13.24	19.78
2	FEBRUARI	638	85	1,681.00	13.32	19.78
3	MAC	641	86	1,726.00	13.42	20.07
4	APRIL	636	86	1,436.00	13.52	16.70
5	MEI	629	86	1,481.00	13.67	17.22
6	JUN	632	86	1,481.00	13.61	17.22
7	JULAI	630	85	1,441.00	13.49	16.95
8	OGOS	628	85	1,461.00	13.54	17.19
9	SEPTEMBER	558	82	1,468.00	14.70	17.90
10	OKTOBER	560	82	1,468.00	14.64	17.90
11	NOVEMBER	555	76	1,288.00	13.69	16.95
12	DISEMBER	546	81	1,288.00	14.84	15.90
JUMLAH				17,900.00		

(Sumber: Bahagian Pengurusan Insan, Oktober 2014)

Hasil daripada analisis Penyata Tabung Infaq KUIS 2013 yang diperolehi daripada Bahagian Pengurusan Insan (Oktober 2014), mendapati purata kakitangan yang menjadi peserta Tabung Infaq ialah hanya 13.81% iaitu purata seramai 84 orang daripada 607 orang kakitangan (Jadual 1 – Analisis Penyata Tabung Infaq, KUIS pada 2013). Peratusan ini dianggap rendah memandangkan KUIS adalah salah satu institusi pengajian tinggi Islam yang kakitangannya dianggap sentiasa

subur dengan budaya zakat, wakaf, infaq dan sedekah. Bagaimanapun kajian lanjutan perlu dilakukan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang membawa kepada situasi ini.

Jadual 2 –Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Masjid Al Azhar, KUIS pada Januari – Mei 2013

MASJID AL-AZHAR, KUIS PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN BAGI JANUARI HINGGA MEI 2013		
Pelbagai Penerimaan (dengan Tabung Infaq)	RM	RM
Pelbagai pembayaran		(87,725)
Lebihan penerimaan atas perbelanjaan		218
Pelbagai Penerimaan (tanpa Tabung Infaq)	(87,943- 8,005)	79,938
Pelbagai pembayaran		(87,725)
Lebihan perbelanjaan atas penerimaan		7,787

(Sumber: Masjid Al Azhar KUIS, September 2014)

Jadual 3 – Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Masjid Al Azhar, KUIS pada Jun – Disember 2013

MASJID AL-AZHAR, KUIS PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN BAGI JUN HINGGA DISEMBER 2013		
	RM	
Pelbagai Penerimaan (dengan Tabung Infaq)	199,871	
Pelbagai pembayaran	(197,046)	
Lebihan penerimaan atas perbelanjaan	2,825	
Pelbagai Penerimaan (tanpa Tabung Infaq)	(199,871 – 10,055)	189,816
Pelbagai pembayaran	(197,046)	
Lebihan perbelanjaan atas penerimaan	7,230	

(Sumber: Masjid Al Azhar KUIS, September 2014)

Daripada Jadual 2 dan Jadual 3 di atas didapati dengan penerimaan sumbangan Tabung infaq ke dalam akaun Masjid Al Azhar, maka pihak masjid tidak menghadapi sebarang masalah dengan perbelanjaan masjid. Bagaimanapun tanpa penerimaan sumbangan Tabung Infaq ini, maka pihak masjid akan mengalami masalah dalam menyelesaikan/melunaskan perbelanjaan masjid. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa, sumbangan Tabung Infaq oleh kakitangan KUIS adalah amat besar kepada pihak Masjid Al Azhar terutamanya dalam membantu meringankan perbelanjaan pengurusan masjid yang semakin meningkat. Kesimpulan

Analisis awal ini menunjukkan bilangan peserta yang terlibat dengan potongan Tabung Infaq KUIS ini adalah rendah dan berlaku turun naik bilangan peserta atau amaun infaq secara tidak konsisten. Walaupun begitu, tidak dapat dinafikan sumbangan Tabung Infaq oleh kakitangan KUIS adalah amat besar kepada pihak Masjid Al Azhar. Tanpa sumbangan tabung infaq ini pasti pihak Masjid Al Azhar akan menghadapi masalah yang besar dalam melunaskan kos perbelanjaan

pengurusan masjid yang semakin meningkat. Di harap budaya berinfaq ini terus subur dibudayakan dalam kalangan kakitangan KUIS. Dalam masa yang sama, usaha berterusan harus dilakukan untuk mempromosikan Tabung Infaq ini demi meningkatkan bilangan peserta dan amaun infaq ini.



Masjid Al-Azhar KUIS

KUISCELL OPTIMIS LAHIR GENERASI BERKEPIMPINAN

Oleh : Nurul Izzati Abdul Latif
Junior Eksekutif KUISCELL

LEADERS aren't born, they are made. Kata-kata yang cukup menyokong cita-cita KUISCELL untuk terus komited mencungkil sifat dan bakat kepimpinan dalam diri setiap warga kakitangan seterusnya melahirkan pemimpin yang berkredibiliti dan berketerampilan unggul. Tiga Ikon KUISCELL iaitu Ustaz Nushi Mahfodz, Ustaz Don Daniyal Don Biyajid, dan Ustaz Azihal Bangsawan bukan sahaja bertindak sebagai "wajah" KUISCELL, namun mereka menggalas tanggungjawab untuk berkongsi ilmu dunia ni ukhrawi dan pengalaman bermanfaat kepada khalayak umum. Penganjuran program "Rise Camp" yang akan diterajui oleh ikon-ikon ini juga memperlihatkan kesungguhan KUISCELL untuk mempersiapkan generasi muda sebagai insan yang bergelar "Future Leader". Selain itu, program yang akan berlangsung pada musim cuti sekolah ini memfokuskan kepada penyertaan pelajar yang berumur 10 hingga 17 tahun.

Syarikat milikan penuh Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang bertapak di bumi Bandar Seri Putra, Bangi, ini dalam tidak sedar juga telah menjangkau usia 5 tahun operasi. Jika seorang kanak-kanak seawal 5 tahun sudah menunjukkan kepetahannya berkata-kata, mampu menguruskan diri sendiri, dapat mengenal abjad dan angka, KUISCELL juga menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan sebagai sebuah syarikat korporat yang sedang giat mencipta nama dan mencorak identiti.

Ini terbukti apabila rancangan televisyen pertama terbitan KUISCELL telah disiarkan di saluran Hikmah Channel (HypTV) pada September lalu. Santai, menarik, serta kandungan yang fleksibel untuk semua peringkat umur dalam pembelajaran asas Bahasa Arab merupakan antara intipati yang difokuskan oleh pasukan produksi KUISCELL dalam rancangan Syoknya Bahasa Arab (SBA). Program yang dirakam berlatar belakangkan kehijauan alam ini menampilkan tenaga pengajar KUISCELL sendiri, Ustaz Farid Yusuf merangkap hos untuk rancangan sebanyak 13 episod tersebut. Berdurasi 23 hingga 24 minit bagi setiap episod, SBA memperkenalkan konsep pembelajaran tatabahasa dalam Bahasa Arab berpandukan ayat-ayat di dalam al-Quran Karim. SBA juga bakal hadir dengan siri kedua dengan konsep pembelajaran Bahasa Arab yang lebih menghiburkan, kreatif, dan informatif.

Selain daripada menganjurkan acara dan menerbitkan program TV, KUISCELL yang merupakan

Pusat Kecemerlangan Sepanjang Hayat juga menjalankan aktiviti perniagaan yang menawarkan program-program pensijilan dan diploma eksekutif serta menyediakan program latihan untuk institusi korporat. Malah, KUISCELL tidak ketinggalan untuk melibatkan diri dalam industri penerbitan buku bagi memartabatkan pengetahuan aqli dan naqli.



Penghayatan Ilmu dimana sahaja demi melahirkan generasi berkepimpinan



Y.B. Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek meluangkan masa melawati gerai pameran KUISCELL



Ustaz Don Daniyal bersama memperkenalkan produk KUISCELL

LAWATAN AKADEMIK DARI SEKOLAH TINGGI AGAMA ISLAM NEGERI PEKALONGAN, INDONESIA

Oleh : Bahagian Pemasaran dan Komunikasi

Bandar Seri Putra- Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah menerima lawatan kerja daripada Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Pekalongan Indonesia (STAIN) pada 10 Ogos 2015 yang lalu.

Delegasi seramai 39 orang dari Sekolah tersebut yang terdiri daripada 3 orang Pembimbing diketuai Dr.H. Muhlisin Ibn Salim dan 36 orang pelajar Sarjana telah disambut oleh pegawai pegawai BPK. Satu perbincangan dua hala telah diadakan di Dewan Senat KUIS di antara Pengarah (STAIN), Dekan beserta wakil pensyarah Akademi Islam dan Pengarah beserta Timbalan Pengarah Pusat Pengajian Siswazah.

Tujuan lawatan adalah bagi bertukar tukar pandangan, perkongsian ilmu pendidikan islam dan syariah. Informasi berkaitan pentadbiran Sistem Pengurusan Akademik telah disampaikan dengan begitu baik sekali oleh Ketua Bahagian Pengurusan Akademik KUIS.

Majlis di akhiri dengan penyampaian cenderahati sebagai tanda penghargaan dan kenangan. Semoga kerjasama dan ukhuwah yang terjalin diteruskan bagi kelangsungan jihad pendidikan di kedua dua Institusi Pengajian Tinggi Islam ini.



Wakil KUIS bersama pelajar-pelajar dan guru-guru dari STAIN Pekalongan



Dekan Akademi Islam, Dr. Mariam Abd. Majid menerima cenderamata dari Pengetua STAIN Pekalongan, Dr. H. Muhlisin M. Ag

KUIS DAN ANTARABANGSA

Oleh : Jamal Shaik Abul Barakath
Bahagian Pemasaran dan Komunikasi

Sejak KUIS ditubuhkan pada 1995 pelbagai onak dan duri ditempuh bagi merealisasikan dan melestarikan visi dan misi. Sejak kebelakangan ini pula, nama KUIS semakin menjadi buah mulut dengan pencapaian dan kejayaan bukan setakat mahasiswa serta cetusan idea dan ilham dari kalangan pensyarah dan kakitangan pentabiran.

Menerusi jaringan akademik di dalam dan luar negara, aspek penjanaan ilmu dan inovasi terutama melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) turut dipertingkatkan. Selain dari itu, KUIS bertekad untuk menjadi sebuah gedung ilmu bertaraf antarabangsa dan pelopor di kalangan institusi pendidikan tinggi swasta berteraskan Islam. Tidak kurang dengan itu, KUIS juga telah menandatangi Memorandum Persefahaman (MoU) bukan sekadar dalam negara tetapi dari negara serantau seperti Singapura, Indonesia, Qatar, Turki dan beberapa negara lain. Ini semua tidak akan tercapai jika hanya Pengurusan KUIS yang memandang secara lebih jauh. Tahniah diucapkan kepada semua warga KUIS.

Sejajar dengan peredaran zaman kini, sokongan dan dorongan dari institut dan keluarga yang menggalakan anak mereka untuk mencari ilmu dan pengalaman di Malaysia. Tak lain tak bukan, ingin memberi peluang menimba ilmu dan cara berdikari akan membuatkan mahasiswa lebih matang dan terbuka bila menghadapi sebarang cabaran dan dugaan yang sepastinya membawa kepada kejayaan.

Alhamdulillah, permohonan baru calon pelajar antarabangsa kian meningkat bukan hanya negara serantau tetapi dari negara Libya, Syria, Pakistan dan Australia. Ia jelas melambangkan identiti KUIS di persada antarabangsa. Selain dari itu, Kerajaan menetapkan sasaran untuk menarik 200 000 pelajar antarabangsa melanjutkan pengajian di negara ini menjelang 2020 selaras dengan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai salah satu destinasi pendidikan yang terkemuka di peringkat global. Menurut laporan Pertubuhan Pendidikan Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada 2012 meletakkan Malaysia di tangga ke-12 dalam senarai negara-negara yang menjadikan pilihan untuk melanjutkan pengajian di peringkat antarabangsa. Bagi pelajar berdaftar, Seksyen Pengantarabangsaan juga telah menganjurkan beberapa aktiviti

dalamannya seperti Usrah Perdana, *Sharing with Mejar Qayyum* dan *How to focus on final exam* bersama pelajar alumni dari Fakulti Pengurusan & Muamalah (FPM). Bagi aktiviti luar kampus, Seksyen Pengantarabangsaan juga telah merancang beberapa aktiviti seperti lawatan, Jom Mengenal Malaysia dan sebagainya.

Oleh yang demikian, ayuh kita sama-sama berganding bahu bagi menjadikan KUIS setanding dengan IPT lain di dalam negara demi melahirkan Da'i, Ulama & Umara'.



Pelajar antarabangsa turut melibatkan diri dalam usaha promosi KUIS



Pelajar antarabangsa bergambar kenangan selepas berjaya menamatkan aktiviti Usrah Bulanan.

KONVOKESYEN KALI KE 18 : 1188 TERIMA IJAZAH & DIPLOMA

Oleh : Mohd Hanif bin Mat Noor
Bahagian Pemasaran dan Komunikasi

BANDAR SERI PUTRA, 29 Ogos – Majlis Konvokesyen kali ke-18 KUIS 2015 telah berlangsung dengan jaya dan gemilang pada 29 Ogos 2015 yang menyaksikan seramai 1188 orang graduan diraikan dalam dua sidang setelah berjaya menamatkan pengajian Ijazah dan Diploma dengan sempurna dan cemerlang.

Dato' Menteri Besar Selangor Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali merangkap Pengurus Lembaga Pengarah KUIS telah menyampaikan Ijazah dan Diploma serta menyampaikan ucapan tahniah kepada graduan dan kejayaan KUIS yang telah menjadi institusi pilihan utama melahirkan graduan yang berkualiti dengan peningkatan jumlah pelajar baharu berbanding sesi sebelum ini dengan kenaikan 100% yang menjadikan jumlah semasa pelajar KUIS hampir 8 ribu pelajar.

Pada Sidang Kedua Pengurus Majlis Agama Islam Selangor, Y.A.D Dato' Setia Hj Mohamad Adzib bin Mohd Isa telah menyampaikan Diploma kepada graduan KUIS. Dalam ucapan beliau menyatakan bahawa Majlis Agama Islam Selangor akan terus komited dan memberikan sokongan dari segi moral dan dana bagi memastikan KUIS menjadi sebuah legasi DYMM Sultan Selangor dan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam yang berkualiti di negeri Selangor Darul Ehsan.



Para graduan sabar menunggu giliran naik ke pentas



Pemeriksaan Kawalan Kehormat oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor

Rektor KUIS Ybhg Prof Dato' Dr. Ab. Halim bin Tamuri berkata komitmen daripada pihak Kerajaan Negeri Selangor dan Majlis Agama Islam Selangor telah membangunkan KUIS sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam yang berkualiti untuk melanjutkan pengajian di peringkat Asasi, Diploma, Ijazah dan Pasca Siswazah dan memperkasa misi KUIS untuk menuju sebuah Universiti dalam tempoh yang terdekat serta berharap Alumni KUIS akan menjadi cerminan KUIS dalam melahirkan Dai , Ulama dan Umara.

Turut hadir pada majlis tersebut Exco Kerajaan Negeri Selangor, Y.B Dato' Dr. Ahmad Yunus Hairi, Y.B Tuan Nik Najmi Nik Ahmad, Timbalan Speaker Y.B Haji Shafie bin Ngah , Dato' Noordin bin Sulaiman Pegawai Kewangan Negeri dan jemputan daripada wakil Universiti.Tahniah diucapkan kepada para graduan Konvokesyen ke-18 KUIS. Tahniah KUIS.



Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor beramah mesra dengan ibu-bapa graduan

Teks Ucapan Dato' Menteri Besar Selangor Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali " Zaman Edan hari ini mengingatkan saya kepada puisi penyair Taufik Ismail, "Takut '66, Takut '98" yang sepatutnya menyentuh kalbu anak muda yang berprinsip :

*Mahasiswa takut pada dosen
Dosen takut pada dekan
Dekan takut pada rektor
Rektor takut pada menteri
Menteri takut pada presiden
Presiden takut pada mahasiswa "*

KENALI RAKAN SEKERJA ANDA

Oleh : Hazani Ab Rashid
Bahagian Pemasaran dan Komunikasi

ALAWIYAH BT TENGAH

No. Staf : 0191

Tarikh Mula Kerja : 20 Dis 2000

Bahagian semasa mula bekerja: Bermulanya bekerja di KUIS pada tahun 2000 sebagai pensyarah di Jabatan Sumber Manusia Sekolah Pengajian Pengurusan. Sekarang dikenali sebagai Fakulti Pengurusan dan Muamalah (FPM).

Tahun 2002 : Ketua Jabatan Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia.

Tahun 2010 : Ketua Bahagian Penjaminan Kualiti

Tahun 2013 : Ketua Bahagian Pengurusan Akademik

Pandangan Puan Alawiyah berkaitan mahasiswa KUIS

Pandangan Puan Alawiyah berkaitan mahasiswa KUIS : "Keputusan SPM tidak boleh menentukan segalanya. Pada saya, mahasiswa KUIS tidak berbeza dengan mahasiswa di IPTA lain, mungkin semasa SPM, segelintir daripada mereka tidak bernasib baik untuk mendapat keputusan yang cemerlang, tetapi masih bersemangat untuk belajar, dan apabila berada di KUIS mereka mula bersungguh-sungguh untuk mencapai keputusan yang lebih baik."

Dari segi Akademik, memang ada sejumlah pelajar yg mendapat keputusan kurang baik. Pandangan saya, masalah tersebut berlaku disebabkan oleh masalah pelajar itut sendiri.

Apa-apa pun pelajar KUIS memang sangat beruntung kerana seperti yang semua ketahui, KUIS memang mengutamakan ilmu-ilmu agama, di sini tidak kira kursus apa pun, mereka diwajibkan mempelajari ilmu agama: menghafaz Al-Quran mengikut kemampuan pelajar, belajar asas bahasa Arab, berusrah setiap hari Jumaat, dll.



GHAZALI BIN MOHD ALI

No. Staf: 0572

Tarikh Mula Kerja: 15 Mei 2007

Fakulti semasa mula bekerja:

2007 : Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK)

2008 : Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK)

2013 : Fakulti Pengurusan dan Muamalah



Pandangan saya terhadap Pelajar KUIS

: "Pada awalnya kebanyakan pelajar-pelajar KUIS daripada golongan yang tidak bernasib baik atau mendapat keputusan SPM/ STAM/ STPM dan lain-lain yang kurang cemerlang untuk menyambung pengajaran ke IPTA. Maka mereka jadikan KUIS pilihan kedua."

Tetapi akhir-akhir ini, apabila KUIS semakin dikenali sebagai IPT yang mementingkan ajaran Islam pada setiap aspek, maka semakin ramai yang berminat untuk menyambung pengajaran mereka di KUIS tidak kira daripada mereka yang cemerlang atau yang kurang bernasib baik.

Alhamdulillah, bagi saya pelajar KUIS beruntung sebagai mahasiswa KUIS kerana mereka dapat mempelajari bidang yang dipilih setaraf dengan IPTA lain dan dalam masa yang sama bagi pelajar yang bukan daripada Pengajian Islam, mereka dapat belajar Asas Bahasa Arab dan menghafal surah-surah Al-Quran.

Apa yang saya rasa bangga dengan pelajar KUIS, mereka mampu menguruskan aktiviti-aktiviti atau program-program dengan baik tanpa sebarang bantuan pengurusan seperti dari segi dana, meguruskan majlis atau teknikal dll."

hubungan dengan Allah SWT dan RasulNya. Pastikan anda adalah Da'i, Ulama' & Umara'.

COLLABORATION BETWEEN IRCIEF, KUIS AND CIBFM: ROUNDTABLE DISCUSSION ON SADAQA HOUSE AND MOU SIGNING CEREMONY

Oleh :Nurul Nadia Roslan (IRCIEF)

International Research Centre of Islamic Economics and Finance (IRCIEF), KUIS in collaboration with Centre for Islamic Banking, Finance and Management (CIBFM), Brunei had organised the Roundtable Discussion on Sadaqa House on 5 August 2015 at the Institute for Leadership, Innovation and Advancement (ILIA), Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Dr. Latifa Bibi binti Musafar Hameed, the Director of IRCIEF, KUIS had presented her paper during the programme. The participants were representatives from CIBFM, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), academicians from Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) and KUIS, experts and industry players. The programme was also attended by the Rector of KUIS, Prof. Dato' Dr. Ab. Halim bin Tamuri.

With the theme "Sadaqa House", the main objective of the programme was to discuss on issues related to Sadaqa House and to provide recommendations towards the development of Sadaqa House. The programme had successfully achieved its goal through productive debates and fruitful discussions which covered all issues identified and solutions agreed upon by the presenters and participants at the end of the programme.

A Memorandum of Understanding had been signed between KUIS and CIBFM in order to promote and develop cooperation and communication from both institutions. This includes the institutions' effort in creating awareness, providing training, and exchanging knowledge in Islamic finance.

Representing KUIS in the signing ceremony was the Rector of KUIS while CIBFM was represented by its Chief Executive Officer, En. Makhtar bin Haji Abdullah. The MOU will further fortify the relationship between the two institutions in the area of Islamic Banking, Finance and Economics by promoting a wide range of collaborative activities such as specialised conferences, training courses, and others.



Roundtable discussion on implementation of Sadaqa House as a banking product or service



Signing of MoU by CIBFM and KUIS



CEO CIBFM with Rector KUIS at the end of ceremony